



**PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PMKS KEBANGSAAN  
(MPUPK) BILANGAN 1 TAHUN 2024**

---

Saya telah mempengerusikan Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) Bilangan 1 Tahun 2024 hari ini di Putrajaya yang turut dihadiri oleh YB Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan, YB Menteri dan Timbalan Menteri Wilayah Sabah dan Sarawak serta pegawai-pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat.

MPUPK dibentuk sebagai platform utama dalam membincangkan program dan inisiatif pembangunan usahawan dan PMKS selari dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan pembangunan Malaysia MADANI.

Justeru semua pihak haruslah sama-sama menggembungkan usaha untuk menyokong dan menggalakkan usahawan mengadaptasi teknologi dan digitalisasi supaya terus kekal relevan, kompetitif serta mendapat akses kepada pasaran yang lebih luas.

Sebanyak lima kertas pembentangan telah dibincangkan dan dimaklumkan dalam mesyuarat ini, iaitu:

- i. Pemerkasaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia;
- ii. Hala Tuju Baharu Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI);
- iii. Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2030;
- iv. Pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA); dan
- v. Pelaksanaan ESG untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Bagi kertas Pemerkasaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia, mesyuarat ini telah membincangkan cadangan 6 inisiatif merangkumi 4 inisiatif sedia ada yang diperkuuhkan bagi pemerkasaan keupayaan PKS dalam eksport dan industri berimpak tinggi untuk pelaksanaan secara intensif dalam jangka masa pendek (2024 – 2025) dan 2 inisiatif baharu bagi pelaksanaan jangka masa sederhana (2024 – 2028). Mesyuarat ini juga membincangkan hala tuju baharu program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang melibatkan beberapa pindaan dasar dan operasi program serta cadangan kolaborasi program SDSI dengan Program Komuniti MADANI dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Mesyuarat selanjutnya telah mengambil maklum mengenai pembangunan Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2023 – 2030 (PSPMKS 2030) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai hala tuju baharu PMKS dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai pelaporan program keusahawanan dan pembangunan PMKS melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dan rangka kerja kelestarian PMKS dan Panduan Pantas ESG untuk PMKS sebagai rujukan asas pelaksanaan ESG dalam kalangan PMKS.

Selepas pembentangan didapati berlaku pertindihan fungsi dan peranan di dalam koordinasi pembangunan ekosistem usahawan dan PMKS di 16 kementerian dan 50 agensi. Oleh itu, saya mengarahkan Sekretariat Tetap MPUPK diwujudkan bertujuan penyelarasan pertindihan bidang kuasa yang berlaku selama ini.

Selain itu, saya juga telah melancarkan buku Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2023 – 2030 (PSPMKS 2030) dan buku Panduan Pantas ESG untuk PMKS.

-Tamat-

**Dr. Ahmad Zahid Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri

Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan

5 Februari 2024

## **LAMPIRAN**

### **PELAN STRATEGIK PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA 2023 – 2030**

1. Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2023 – 2030 (PSPMKS 2030) yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai hala tuju baharu PMKS dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Pelan Strategik PMKS 2030 ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 27 November 2023.
2. PSPMKS 2030 memberi penekanan kepada aspek pengukuhan ekosistem inovasi keusahawanan yang kondusif dan persekitaran perniagaan yang mesra PMKS. Dua trend utama yang menyokong pertumbuhan PMKS yang dikenal pasti adalah Transformasi Digital yang menjadi pemangkin dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing PMKS dan Penerapan Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang mampu menyokong kemampanan perniagaan dan meluaskan potensi untuk meneroka peluang pasaran di peringkat antarabangsa.
3. Sebanyak 13 strategi dan 56 inisiatif telah dibangunkan di bawah PSPMKS 2030 ini, yang akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pemulihan PMKS bagi tempoh 2023 hingga 2025, yang turut diselaraskan dengan tempoh RMKe-12. Manakala, fasa kedua bermula

pada tahun 2026 hingga 2030 dengan fokus kepada pemecutan prestasi dan transformasi PMKS.

4. Pelaksanaan PSPMKS 2030 akan memangkinkan pertumbuhan sektor-sektor ekonomi melalui langkah intervensi dan sokongan inisiatif bersasar atas faktor-faktor berikut:
  - (i) mempunyai penglibatan PMKS yang tinggi;
  - (ii) berkepentingan daripada aspek ekonomi;
  - (iii) berpotensi sebagai aktiviti keusahawanan bernilai tinggi melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan serta proses inovasi dan pengkomersialan; dan
  - (iv) selaras dengan fokus RMKe-12 dan dasar-dasar nasional yang berkuat kuasa.
5. Pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah PSPMKS 2030 akan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang ditentukan berdasarkan fungsi serta peranan masing-masing.

## **BUKU PANDUAN PANTAS ESG UNTUK PMKS**

1. SME Corp. Malaysia telah menerbitkan buku Panduan Pantas ESG untuk PMKS yang mengenal pasti kriteria asas bagi penerapan amalan ESG oleh PMKS. Panduan pantas ini merangkumi 8 langkah mudah untuk firma memahami kepentingan ESG dalam perniagaan mereka, menetapkan objektif, mengenal pasti indikator ESG yang berkaitan dengan perniagaan mereka, menghasilkan pelan tindakan kelestarian dan seterusnya menggunakan templat mudah untuk pelaporan ESG.
2. Panduan ini mengandungi 13 indikator asas yang boleh diguna pakai oleh semua PMKS. Pemilihan indikator adalah berdasarkan kesesuaian dan keperluan minimum operasi perniagaan PMKS merentas semua sektor dan saiz termasuk firma berstatus enterpris dan perusahaan mikro. Panduan ini juga merangkumi indikator penting untuk kemampanan perniagaan seperti faedah pekerja, budaya, pengurusan risiko & perlindungan data yang selalunya sedia ada di firma besar namun kurang diamalkan oleh PMKS. Penetapan indikator dalam panduan ini adalah selari dan melengkapi pelbagai panduan ESG & dokumen *disclosure* yang sedia ada di pasaran.
3. Setiap indikator telah dikategorikan berdasarkan pelaksanaan dalam jangka masa pendek dan jangka masa yang lebih panjang. Indikator yang boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang pendek adalah seperti pengurusan pelepasan karbon, tenaga dan air, amalan & piawaian pekerja, keselamatan & kesihatan, budaya & komitmen dan

integriti & antirasuah. Indikator ini merupakan indikator minimum untuk PMKS laksanakan dalam perniagaan mereka.

4. Panduan Pantas ESG untuk PMKS ini diterbitkan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Panduan ini boleh dimuat turun secara percuma apabila firma menjalani Penilaian ESG PMKS di laman web SME Corp. Malaysia.